

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA  
(PARIT BUNTAR)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [ PARIT BUNTAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mengkaji keadaan semasa ekonomi negara dan dunia ketika menyediakan Bajet 2016 sehingga terpaksa merombak semula bajet berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam penyediaan bajet tahunan, Kerajaan sememangnya mengambil kira keadaan semasa ekonomi negara dan dunia. Walau bagaimanapun, akibat ketidaktentuan ekonomi global pada awal tahun ini, Kerajaan mengambil tindakan proaktif dengan mengumumkan langkah Pengubahsuaian Bajet

2016.

Pengubahsuaian Bajet 2016 dilaksanakan dengan mengambil kira perkembangan semasa ekonomi global dan unjuran purata harga minyak mentah dunia yang lebih rendah dan realistik, iaitu antara USD30 hingga USD35 setong berbanding USD48 sewaktu Bajet 2016 dibentangkan. Penetapan ini adalah selari dengan unjuran yang dibuat oleh badan-badan antarabangsa dan penganalisis ekonomi termasuk US Energy Information Administration (EIA), Bloomberg, Bank Dunia (WB) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Tuan Yang di-Pertua,

Walau bagaimanapun, trend pergerakan harga minyak semakin menunjukkan peningkatan sejak kebelakangan ini. Kerajaan akan terus memantau perkembangan ekonomi semasa dan pergerakan harga minyak mentah dunia serta akan mengambil langkah yang bersesuaian sekiranya perlu bagi memastikan kedudukan fiskal dan kewangan negara kekal kukuh.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN (BJL)**

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA  
[ PARIT BUNTAR ]**

**RUJUKAN : DN16**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai peruntukan penanaman pokok bakau atau api-api secara bersepadu bagi menggalakkan pertumbuhan makanan laut serta menghalang hakisan pantai. Jika ada, berapakah peruntukan yang disediakan Kerajaan.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia telah melaksanakan Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara sejak tahun 2005, selepas tragedi tsunami melanda negara. Program ini merupakan satu program nasional yang dilaksanakan secara bersepadu di seluruh negara dengan melibatkan penyertaan agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri, badan-badan bukan kerajaan, universiti dan masyarakat setempat.

Antara objektif pelaksanaan program ini ialah seperti berikut:

- (i) memulihara pesisiran pantai sebagai lindungan semulajadi bagi mengurangkan kemusnahan akibat kejadian alam dan hakisan tanah;
- (ii) mewujudkan zon penampan bagi menahan kekuatan ombak dan angin kencang serta mencegah pencemaran alam sekitar;
- (iii) memulihkan habitat pesisiran pantai yang menjadi koridor kepada kepelbagaian biologi serta memperkayakan sumber hasil pantai; dan
- (iv) meningkatkan kualiti alam sekitar dan nilai estetika sebagai daya tarikan pelancong.

Sejak pelaksanaan program ini, peruntukan kewangan berjumlah RM46.54 juta telah dibelanjakan di bawah dua (2) tempoh Rancangan Malaysia iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Manakala, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas bagi

siling tahun 2016, program ini telah menerima peruntukan kewangan berjumlah RM5.2 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan kawasan yang terlibat dengan program ini di seluruh Malaysia sehingga 31 Disember 2015 ialah seluas 2,578.36 hektar dengan jumlah pokok yang ditanam adalah sebanyak 6.32 juta pokok. Antara spesies pokok yang ditanam termasuklah Bakau kurap, Bakau minyak, Api-api, Rhu pantai, Ketapang, Nipah, Nyireh dan Tembusu.

Usaha memelihara dan memulihara ekosistem kawasan pesisir pantai akan diteruskan di masa-masa akan datang dengan kerjasama semua pihak untuk kepentingan dan faedah generasi kini dan akan datang.

Sekian, terima kasih.